

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID**

**(KOTA TINGGI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.11.2015**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan pasaran sukuk di Malaysia dan berapakah jumlah terkini nilai pasaran sukuk di Malaysia serta kedudukannya di pasaran global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasaran sukuk domestik terus menerajui pasaran modal tempatan. Sehingga akhir September 2015, jumlah nilai sukuk terkumpul meningkat

sebanyak 3% kepada RM578.8 bilion berbanding RM562.3 bilion pada akhir September 2014. Jumlah nilai sukuk terkumpul ini mewakili 54% daripada jumlah keseluruhan nilai terkumpul di pasaran modal tempatan. Sejak tahun 2000 sehingga kini, jumlah nilai sukuk terkumpul meningkat pada kadar 21% kepada RM576.3 bilion pada akhir 2014 daripada RM39.1 bilion.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di peringkat antarabangsa pula, Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia dengan syer pasaran melebihi 50% sejak tahun 2000 hingga kini. Sehingga akhir Jun 2015, syer pasaran sukuk Malaysia di peringkat global telah mencatatkan 54.9% (RM171.7 bilion) dari segi jumlah sukuk terkumpul. Dari segi terbitan sukuk pula, Malaysia menguasai 49.9% (RM19.8 bilion) syer pasaran dari jumlah keseluruhannya. Pasaran bon dan sukuk Malaysia akan terus menjadi sumber penting dalam penjanaaan dana bagi negara. Oleh itu, Malaysia sebagai negara peneraju dalam sistem kewangan Islam giat meneroka instrumen sukuk yang lebih inovatif.